

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**RUJUKAN : BL2 [PR-1341-T71998]**  
**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan projek rumah mampu milik yang diluluskan oleh DBKL. Nyatakan harga jualan setiap unit dan lokasi setiap projek rumah mampu milik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, bagi kawasan Kuala Lumpur, terdapat 34 projek perumahan mampu milik merangkumi Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) telah mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangkumi projek yang telah siap dibina, dalam pembinaan dan mendapat kelulusan Perintah Pembangunan (DO).

Satu projek melibatkan sejumlah 900 unit telah siap dibina di Jalan Tasik Permaisuri 2, Bandar Tun Razak pada tahun 2015 dan penyerahan kunci telah dijalankan pada 14 Ogos 2015. Manakala 17 dengan bilangan unit keseluruhan sebanyak 11,997 unit sedang di peringkat pembinaan meliputi kawasan Setiawangsa, Titiwangsa, Bukit Bintang, Wangsa Maju, Seputeh, Batu, Bandar Tun Razak, Kepong dan Lembah Pantai. Bagi projek-projek yang telah mendapat kelulusan Perintah Pembangunan (*Development Order*) pula, 16 projek membabitkan 6,687 unit telah diluluskan meliputi kawasan Lembah Pantai, Bandar Tun Razak, Titiwangsa, Kepong, Batu dan Wangsa Maju.

Kesemua projek RUMAWIP dan PPA1M ini dirancang dan dilaksanakan menerusi kaedah usaha sama dengan DBKL dan juga inisiatif swasta. Kesemua unit rumah mampu milik ini dijual dengan harga tawaran sekitar RM198,000 sehingga RM300,000 seunit mengikut keluasan iaitu tidak kurang daripada 800 kaki persegi.

Projek perumahan yang dibina juga dilengkapi dengan sebuah tempat letak kereta bagi setiap rumah dan juga kemudahan asas lain seperti dewan serbaguna, surau, pondok pengawal keselamatan, taska, taman rekreasi dan sebagainya.

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang giat menggerakkan projek-projek di kategori lulus DO supaya dipercepatkan kelulusan untuk pembinaan. Selain itu juga, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memastikan projek-projek yang sedang di peringkat perancangan diberi keutamaan pemprosesan secara "*fast lane*" untuk kelulusan DO.

Dalam meningkatkan bilangan unit RUMAWIP yang boleh dibina di Kuala Lumpur, usaha sedang giat dilakukan bagi mengenalpasti tanah-tanah berpotensi untuk pembangunan RUMAWIP supaya lebih ramai rakyat dapat memiliki kediaman pada harga mampu dimiliki.